

## Konsep Pendidikan Ketamadunan Pengakap (*The Scouting Civilization Education*)

Harry Ramza<sup>1,4</sup>, Afri Yordan<sup>1</sup>, Sofiyahna Kubro<sup>1</sup>, Kaharudin Mokmin<sup>2</sup>  
Rusmiati Harun<sup>3</sup>, Aslinda<sup>5</sup>

1. Persatuan Pelajar Indonesia – Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangunan Pusanika, Bilik Persatuan, Kampus Bangi  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
E-mail: ramza.harry@gmail.com; asyraf.yordan@gmail.com; sofiyahna@gmail.com
2. Pertubuhan Ikatan Kebajikan Masyarakat Minangkabau, Kuala Lumpur, Malaysia.  
No.5467, Lorong Balairaya, Kampung Sungai Merali Batu 4  
Gombak 53000, Kuala Lumpur, Malaysia.  
Telp : +6013-3905818, Faks : +603-40255656
3. Biro Wanita dan Kepimpinan, Pertubuhan Ikatan Kebajikan  
Masyarakat Minangkabau, Kuala Lumpur, Malaysia.  
No.5467, Lorong Balairaya, Kampung Sungai Merali Batu 4  
Gombak 53000, Kuala Lumpur, Malaysia.  
Telp : +6013-3905818, Faks : +603-40255656, E-mail : rusnakhai@yahoo.com
4. Pusat Kajian Buya Hamka, Universitas Muhammadiyah Prof. Dr. HAMKA, Jakarta  
Jalan Limau II, Kebayoran Baru, Jakarta 12130, INDONESIA.  
Telp : +62-21-7256659, Faks : +62-21-7256659
5. Jurusan Sastra Indonesia, Fakultas Ilmu Budaya  
Universitas Andalas, Padang, Sumatera Barat  
Kampus Limau Manis, Padang, INDONESIA  
Telp : +62 751 71227, Faks : +62 751 71227, E-mail : aslinda64@gmail.com

---

**Abstrak** – Pendidikan Ketamadunan Pengakap ialah sebuah proses pendidikan berasaskan pendidikan pengakap yang mempunyai matlamat meningkatkan peradaban atau keadaan hidup bermasyarakat secara zahiriah dan rohaniah. Secara makna bahasa arab bahawa tamadun sama dengan kata “mudun”, “madain” dan “madani” yang diertikan tinggi budi bahasa, pembukaan bandar – bandar baharu. Konsep pendidikan ini berasaskan Al – Quran dan Sunnah Rasulullah SAW untuk kejayaan dunia dan akhirat. Proses – proses pendidikan dilakukan dengan mengikuti belbagai – bagai cubaan seperti; cita – cita sebagai seorang muslim pengakap berakhlak mulia, cergas dan kesegaran tubuh badan sebagai insan yang berguna bagi negara, jiwa kepimpinan sebagai umat Islam bermartabat tinggi, pengembaraan hidup serta perkhidmatan diri sebagai tanggung jawab manusia kepada Allah SWT untuk menjadi khalifah diatas dunia. Standard kompetensi subjek pelajaran yang harus dipunyai dalam konsep pendidikan ini ialah; agama dan akhlak, kenegaraan dan kepribadian, ilmu pengetahuan dan teknologi, estetika, sukan dan kesihatan. Standard kompetensi ini harus diterapkan pada peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah untuk mencapai keberhasilan hasil keluaran modal insan yang baik. Fungsi keluarga dan persekitaran tetap menjadi keutamaan dalam pendidikan ketamadunan pengakap sehingga tidak menafikan tugas orang tua atau Ibu – Bapa dalam menanamkan faham yang baik sesuai Al – Quran dan Sunnah Rasulullah SAW kedalam fikiran – fikiran manusia tersebut.

**Kata kunci:** Tamadun pengakap, tamadun pemuda, pembinaan karakter manusia, pembinaan mental manusia.

**Abstract** - *The Educational Scouting Civilization is an educational process based on scout education which aims to improve the living conditions of civilization or society outwardly and spiritually. In Arabic, the meaning of civilization as same as "mudun", "madain" and "madani or civil society" that means a high polish, the opening of the city - the new city. The concept of education is based Al - Quran and the Sunnah of the Prophet Muhammad to the success of this world and the hereafter. Education process carried out with many handicaps such as; personal scouting ambition as a moslem scouting noble, active and fresh as the human body is beneficial to the country, the leadership soul of the moslem as high standing peoples, the life adventure as human responsibility to God and to be Khalifa over the world. Standard competences of subject to be owned in the education concept are religion and morality, nationality and personality, science and technology, aesthetic, sport and health. Standard competence must be applied at the level of primary and secondary schools to achieve of successful outcomes of human resources. Family functioning and the environment remains a priority in the education of scouting civilization service that does not deny parents or mother - father in instilling better understanding of Al - Quran and Sunnah into the human mind.*

**Key words:** *Scout civilization, youth civilization, human character building, human mentality building.*

## I. Pendahuluan

Tamadun Pengakap ialah sebuah peradaban atau keadaan hidup bermasyarakat yang bertambah maju secara zahiriah dan rohaniah yang berasaskan pendidikan pengakap. Secara makna bahasa arab bahawa tamadun sama dengan kata "mudun", "madain" dan "madani" yang diertikan tinggi budi bahasa atau pembukaan bandar – bandar baharu, maka ketamadunan pengakap merupakan pembinaan peradaban hidup bermasyarakat melalui proses – proses pendidikan di alam terbuka dengan asas – asas pengakap dalam bentuk aktiviti – aktiviti yang mendidik, menyenangkan, sihat, teratur, terarah, praktikal sehingga sasaran dan matlamat akhir ialah pembentuk watak insan yang cemerlang. Pendidikan alam terbuka akan membuat semua insan merasa bersehati dengan alam sekitarnya, sehingga alam terbuka akan memberikan banyak pelajaran yang sangat bermanfaat. Sehingga boleh disimpulkan bahawa media efektif untuk membentuk karakter insan berasaskan Ketamadunan Pengakap didalam masyarakat ialah alam semesta

Pembinaan pendidikan ketamadunan pengakap akan berjalan apabila masyarakat mengetahui belbagai proses – proses pendidikan yang dilalui dan matlamatnya. Jika dihurai ada dua hal yang menjadi misi diutusny Rasulullah; pertama, mengajak manusia untuk beribadah hanya kepada Allah Subhana Wata'ala sesuai dengan fitrahnya; kedua, mengawal tatahidup dan sistem sosial masyarakat atau ketamadunan Islam. Kedua hal tersebut telah dilaksanakan secara bersama – sama dengan fasa yang berbeza. Misi fasa pertama telah ditanam sejak Rasulullah berada di Makkah sebagai asas untuk melanjutkan fasa kedua. Untuk fasa kedua dapat digunakan secara sempurna pada masa rasulullah hijrah dari Makkah ke Medinah.

Beberapa ajaran Rasulullah yang disampaikan kepada umat iaitu konsep keberkaitan yang saling melengkapi dan tidak boleh dipisahkan kedua – duanya. Pertama hubungan bertegak (Vertikal) iaitu hubungan manusia dengan tuhan yang tercermin dalam bentuk amalan agamanya berupa taatnya manusia dalam menjalankan perintah mahupun menjauhi larangan Allah SWT. Kedua, hubungan mendatar (horizontal) iaitu hubungan manusia dengan sesamanya yang tercermin dalam bentuk interaksi sosial – masyarakat dengan merujuk nilai – nilai etika, adab dan norma – norma yang ada pada masyarakat. Kedua konsep tersebut telah digunakan oleh Rasulullah pada masa berada di Makkah mahupun Medinah.

Konsep pendidikan ketamadunan pengakap merupakan sebuah konsep peradaban kemajuan masyarakat berasaskan pendidikan pengakap mengikuti konsep Rasulullah melalui hubungan vertikal dan horizontal. Proses untuk mencapai ketamadunan dilakukan pada taraf pendidikan kanak – kanak, remaja sehingga dewasa atau pemuda secara berterusan. Dapat dilihat pada Surat Al-Kahfi; 13,

لَمَّا نَسُوا مَا وَعُودُوا قُلُوبُهُمْ فَلِئَلَّا يَأْتِيَنَّكَ عَذَابٌ أَشَدُّ ۗ  
 هُنَّ نِقْصٌ عَلَيْكَ نَبَأُهُمْ بِالْحَقِّ إِنْهُمْ فِتْيَةٌ ءَامَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى

Ertinya;

*Kami kisahkan kepadamu (Muhammad) cerita Ini dengan benar. Sesungguhnya mereka adalah pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan kami tambah pula untuk mereka petunjuk.*

Begitupula untuk Surat Yunus; 83,

فَمَا ءَامَنَ لِمُوسَىٰ إِلَّا ذُرِّيَّةٌ مِّن قَوْمِهِ عَلَىٰ خَوْفٍ مِّن فِرْعَوْنَ وَمَلَئِهِمْ أَن يَفْتِنَهُمْ وَإِنَّ فِرْعَوْنَ لَعَالٍ فِي الْأَرْضِ وَإِنَّهُ لَمِنَ الْمُسْرِفِينَ ﴿٨٣﴾

Ertinya;

Maka tidak ada yang beriman kepada Musa, melainkan pemuda-pemuda dari kaumnya (Musa) dalam keadaan takut bahwa Fir'aun dan pemuka-pemuka kaumnya akan menyiksa mereka. Sesungguhnya Fir'aun itu berbuat sewenang-wenang di muka bumi. dan Sesungguhnya dia termasuk orang-orang yang melampaui batas.

Dalam tafsir Ibn Katsir bahawa majority orang yang menindakbalas seruan daripada Nabi Muhammad ialah kalangan muda. Beberapa daripada mereka iaitu, Sahabat Rasul Abu Bakar yang menerima Islam pada umur 38 tahun. Sahabat Umar Ibn Khatab pada umur 28 tahun dan Sayyidina Ali yang masuk Islam kurang dari umur 10 tahun dan banyak yang lainnya dengan menerima dan memeluk Islam pada julat usia 12, 13, 14 dan 15 tahun. Pada julat umur ini, merupakan umur yang paling sesuai untuk membentuk jati diri manusia untuk dibina.

## II. Asas Fikiran

Allah SWT menciptakan manusia dan menganugerahkan mereka susuk penghidupan fizikal dan agama, serta membolehkan manusia memilih bentuk kehidupan yang disenangi sehingga akhirnya membawa manusia tersebut kehadapan Allah SWT melalui kematian. Allah menciptakan manusia bersesuaian dengan ayat (surat Al-Mulk – 14),

أَلَا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ ﴿١٤﴾

Ertinya :

Apakah Allah yang menciptakan itu tidak mengetahui (yang kamu lahirkan atau rahsiakan); dan dia Maha halus lagi Maha Mengetahui?

Allah SWT yang maha mengetahui dan mengenalinya, Dialah yang mengajarnya dan memenuhi segala keperluannya. Oleh itu, tujuan sebenar kehidupan manusia adalah untuk mengagongkan Allah, merendahkan diri kepada – Nya. Untuk matlamat yang sama, risalah suci dan wahyu Allah yang disampaikan melalui pesuruhNya adalah satu – satunya pedoman bagi umat manusia.

Al-quran bukan sahaja kitab Allah yang terakhir tetapi wahyu yang tidak berubah – ubah. Hal inilah seluruh umat manusia bertanggung jawab untuk menerima Al-quran sebagai pedoman hidup yang utama dan sebenar serta harus diteliti dengan segala hukum – hukumnya. Cara – cara inilah untuk mendapatkan kejayaan didunia dan akhirat.

Konsep ketamadunan pengakap merupakan konsep ketamadunan manusia yang berasaskan Al-quran dan Sunnah Rasulullah SAW untuk kejayaan dunia dan akhirat melalui proses pendidikan pengakap. Proses pendidikan pengakap ini membentuk insan – insan yang sedar serta mempunyai fikiran, beringat dan insaf. Proses – proses pendidikan dilakukan dengan pelbagai bahagian ujian – ujian seperti; cita – cita sebagai seorang muslim pengakap berakhlak mulia, cergas dan kesegaran tubuh badan sebagai insan yang berguna bagi negara, jiwa kepimpinan sebagai umat Islam bermartabat tinggi, pengembaraan hidup serta perkhidmatan diri sebagai tanggung jawab manusia kepada Allah SWT untuk menjadi khalifah diatas dunia.

## III. Kemasukan Modal Insan

Kemasukan modal insan yang difahamkan disini ialah kemasukan sumber manusia yang akan diolah dan dibangun menjadi seseorang yang cergas dan bijak sesuai dengan jati dirinya. Sumber manusia merupakan asset atau modal yang sangat tinggi didalam konsep ketamadunan pengakap. Fungsi keluarga dan persekitaran tetap menjadi keutamaan dalam pendidikan ketamadunan pengakap sehingga tidak menafikan tugas orang tua atau Ibu – Bapa dalam menanamkan faham yang baik sesuai Al – Quran dan Sunnah Rasulullah SAW kedalam fikiran – fikiran manusia tersebut. Sesuai dengan ayat Al – Quran, Surat At Tahrim – 6,

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوًا أَنفُسِكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

*Ertinya :*

*Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, keras, dan tidak mendurhakai Allah terhadap apa yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan.*

Tapisan – tapisan dalam kemasukan modal insan perlu dilakukan untuk mendapatkan modal insan yang berkalibar serta mampu menyelesaikan program yang telah direka dalam pembentukan Tamadun Pengakap ini. Kemasukan modal insan selayaknya berdasarkan keinginan atau kehendak sendiri sumber manusia tersebut dengan rasa kesedaran yang penuh tanpa tekanan fihak – fihak luar daripada dirinya.

#### IV. Proses Pengolahan Sistem Pendidikan

Proses sistem pendidikan ialah sebuah tahap – tahap pembelajaran dalam sebuah lembaga pendidikan. Masalah besar yang dihadapi oleh dunia pendidikan ialah semakin lemahnya proses pembelajaran, kerana pelajar sekolah tidak didorong untuk mengembangkan kemampuan berfikir. Proses pembelajaran didalam kelas diarahkan kepada pelajar untuk menghafal belbagai – bagai maklumat dan otak anak didik dipaksa untuk mengingat dan menimbus berbagai maklumat tanpa dituntut untuk faham akan maklumat yang diingat serta menghubungkaitkan dengan kehidupan harian. Akibatnya ialah ketika anak didik lulus sekolah, mereka hanya pintar secara teoritikal, tetapi miskin aplikasi.

Kenyataan ini berlaku untuk semua subjek pelajaran. Subjek sains tidak dapat mengembangkan kemampuan anak didik untuk berfikir kritikal dan sistematik, kerana strategi pembelajaran tidak digunakan secara baik dalam setiap tahapan proses pembelajaran didalam kelas. Subjek pelajaran agama, tidak dapat mengembangkan sikap yang sesuai dengan norma – norma agama, kerana proses belajar hanya diarahkan supaya anak boleh menguasai dan menghafal subjek pelajaran sahaja. Subjek pelajaran bahasa tidak diarahkan untuk mengembangkan kemampuan berkomunikasi, kerana yang dipelajari lebih banyak bahasa sebagai ilmu bukan sebagai alat komunikasi. Anak hafal mendarabkan dan membahagi, tetapi mereka masih bingung berapa harus membayar apabila ia disuruh membeli 7.5 liter beras, harga satu liter beras RM 12. Anak didik juga hafal bagaimana tahap – tahap berpidato, tetapi mereka bingung ketika disuruh untuk berbicara dihadapan orang ramai. Demikianpula anak hafal bagaimana cara membuat suatu kertas kerja atau karangan, tetapi ketika harus menulis ia bingung harus darimana memulainya dan masalah – masalah lainnya.

Keadaan – keadaan ini merupakan gejala am dari hasil proses pendidikan di sekolah terlalu memberikan otak anak didik dengan berbagai bahan ajar yang wajib dihafalkan, sehingga pendidikan tidak diarahkan untuk membangun dan mengembangkan karakter serta potensi yang dimiliki anak didik. Dengan makna lain, proses pendidikan tidak diarahkan untuk membentuk manusia yang cergas, memiliki kemampuan menyelesaikan masalah hidup, serta diarahkan untuk membentuk manusia yang kreatif dan inovatif.

Proses pendidikan hendaknya dilakukan dengan cara berceramah, berdiskusi untuk mencari penyelesaian masalah serta mengamalkan pola hidup yang baik dan mengajak anak didik kepada jalan Allah SWT, seperti pada Surat An – Nahl 125,

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۗ وَجَدِلْ لَهُم بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ۗ

*Ertinya,*

*Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.*

Didalam surat Al – Quran diatas bahawa perkataan yang tegas dan benar yang dapat membezakan antara yang hak dengan yang bathil. Beberapa metode belajar yang dapat dilakukan dalam proses pendidikan diantaranya ceramah dan diskusi. Proses ini akan membuka minda dan kemampuan berfikir anak didik.

Didalam proses proses pengolahan sistem pendidikan perlu adanya standard yang mengkawal pelaksanaan proses pendidikan atau dengan makna lain perlu adanya pedoman yang boleh dijadikan rujukan bagaimana proses pendidikan dijalankan. Standard kompetensi subjek pelajaran terdiri daripada kumpulan – kumpulan subjek pelajaran, iaitu:

##### 1. Pendidikan Agama dan Akhlak.

Tujuan dan cakupan pendidikan agama dapat dicapai dengan beberapa kegiatan; Untuk tingkatan sekolah rendah iaitu, (a). Menjalankan ajaran agama Islam dengan tahap perkembangan anak, (b). Menunjukkan serta menerapkan sikap adil dan jujur, (c). Mengenal keragaman agama, budaya, suku, ras dan golongan sosial ekonomi dilingkungannya, (d). Berkomunikasi secara santun yang mencerminkan harkat dan martabat sebagai makhluk tuhan, (e). Menunjukkan serta menerapkan kebiasaan hidup bersih, sihat, aman dan penggunaan masa sesuai dengan tuntunan agama, (f).

Menunjukkan kecintaan, kepedulian terhadap sesama manusia dan lingkungan sebagai makhluk ciptaan tuhan, (g). Menghargai perbezaan pendapat dalam menjalankan ajaran agama.

Tujuan dan cakupan pada tingkatan sekolah menengah iaitu, (a). Berperilaku sesuai dengan ajaran agama Islam sesuai dengan perkembangan remaja, (b). Menghargai keragaman agama, bangsa, suku, ras, golongan sosial ekonomi dan budaya dalam peringkat global, (c). Partisipasi dalam penegakan aturan – aturan sosial, (d). Kefahaman hak dan kewajiban diri dan orang lain dalam interaksi sosial dan masyarakat, (e). Menghargai adanya perbezaan pendapat dan empati terhadap orang lain, (f). Komunikasi dan interaksi secara efektif dan santun melalui berbagai cara termasuk pemanfaatan teknologi maklumat yang mencerminkan harkat dan martabatnya sebagai makhluk Tuhan, (g). Menjaga kebersihan, kesihatan, ketahanan dan mentaliti tubuh dalam kehidupan sesuai dengan tuntunan agama, (h). Memanfaatkan lingkungan sebagai makhluk ciptaan secara bertanggung jawab.

## 2. Kenegaraan dan kepribadian.

Tujuan dan cakupan pendidikan kenegaraan dan kepribadian ini; Untuk tingkatan sekolah rendah iaitu; (a). Menunjukkan kecintaan dan kebanggaan terhadap bangsa, negara dan tanah airnya, (b). Mematuhi aturan – aturan sosial, perundangan yang berlaku dalam lingkungannya, (c). Menghargai keragaman agama, budaya, suku, ras dan golongan sosial ekonomi dilingkungannya, (d). Menunjukkan kecintaan dan kepedulian terhadap lingkungannya, (e). Mengenal kekurangan dan kelebihan diri sendiri, (f). Menunjukkan rasa ingin tahu yang tinggi dan sadar terhadap potensinya, (g). berkomunikasi dengan sopan dan santun, (h). Menunjukkan minat membaca, (i). Menunjukkan kebiasaan hidup bersih, sihat, aman dan memanfaatkan masa lapang, (j). Bekerjasama dalam kumpulan, tolong – menolong dan menjaga diri sendiri dalam keluarga dan teman seusia, (k). Menunjukkan kemampuan ekspresi diri melalui kegiatan seni dan budaya tempatan, (l). Menunjukkan kemampuan belajar secara berdikari sesuai dengan potensi yang dimiliki, (m). Menghargai tugas pekerjaan dan memiliki kemampuan untuk berkarya, (n). Memahami hak dan kewajiban diri dan orang lain dalam pergaulan masyarakat, (o). Menghargai adanya perbezaan pendapat.

Tujuan dan cakupan pada tingkatan sekolah menengah iaitu, (a). Partisipasi dalam kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan bernegara secara demokratis, (b). Partisipasi dalam penegakan aturan – aturan sosial, hukum dan perundangan, (c). Menghargai keragaman beragama, bangsa, suku, ras, golongan sosial ekonomi dan budaya dalam peringkat global, (d). Memanfaatkan lingkungan secara produktif dan bertanggung jawab, (e). Mengembangkan diri secara optimal dengan memanfaatkan kelebihan diri serta memperbaiki kekurangannya, (f). Komunikasi dan interaksi secara efektif dan santun melalui berbagai – bagai cara termasuk pemanfaatan teknologi maklumat, (g). Menunjukkan sikap percaya diri dan bertanggung jawab atas perilaku, perbuatan dan pekerjaan, (h). Menunjukkan kemampuan mengembangkan budaya belajar untuk pemberdayaan diri, (i). Menunjukkan kesukaan membaca dan menulis, (j). Berkarya secara kreatif, baik individu mahupun berkumpulan, (k). Menjaga kesihatan, ketahanan dan kekuatan tubuh, (l). Menunjukkan sikap kompetitif dan sportif untuk meningkatkan ketaqwaan dan memperkuat kepribadian, (m). Memahami hak dan kewajiban diri dan orang lain dalam kehidupan bermasyarakat, (n). Menghargai adanya perbezaan pendapat, (o). Menunjukkan apresiasi terhadap karya estetika.

## 3. Ilmu pengetahuan dan teknologi.

Tujuan dan cakupan pendidikan ilmu pengetahuan dan teknologi ini; Untuk tingkatan sekolah rendah iaitu; (a). Mengenal dan menggunakan berbagai informasi tentang lingkungan secara logika, kritis dan kreatif, (b). Menunjukkan kemampuan berfikir logika, kritik dan kreatif dengan bimbingan guru, (c). Menunjukkan rasa keingintahuan yang tinggi, (d). Menunjukkan kemampuan memecahkan masalah sederhana dalam kehidupan sehari – hari, (e). Menunjukkan kemampuan dan menggambarkan mengenai gejala alam dan sosial dilingkungan sekitarnya, (f). Menunjukkan ketrampilan menyimak, berbicara, membaca, menulis dan pengiraan, (g). Menunjukkan kebiasaan hidup bersih, sihat, aman dan memanfaatkan waktu lapang, (h). Mencari dan menerapkan maklumat secara logic, kritik dan kreatif, (i). Menunjukkan kemampuan belajar secara mandiri sesuai dengan potensi yang dimiliki, (j). Menguasai pengetahuan yang diperlukan sesuai dengan perkembangan umur.

Tujuan dan cakupan pada tingkatan sekolah menengah iaitu, (a). Membangun dan menerapkan maklumat, pengetahuan dan teknologi secara logika, kritik, kreatif dan inovatif, (b). Menunjukkan kemampuan berfikir logika, kritik, kreatif dan inovatif secara mandiri, (c). Menunjukkan kemampuan mengembangkan budaya belajar untuk pemberdayaan diri, (d). Menunjukkan sifat kompetitif, sportif dan etika kerja untuk mendapatkan hasil yang terbaik dalam bidang ilmu pengetahuan dan teknologi, (e). Menunjukkan kemampuan analisis dan memecahkan masalah kompleks, (f). Menunjukkan kemampuan menganalisis fenomena alam dan sosial sesuai dengan kekhasan negeri masing – masing, (g). Memanfaatkan lingkungan secara produktif dan bertanggung jawab, (h). Berkomunikasi dan interaksi secara efektif dan santun melalui berbagai cara termasuk pemanfaatan teknologi informasi, (i). Menunjukkan kemampuan membaca dan menulis, (j). Menunjukkan kemahiran menyimak, membaca, menulis dan berbicara dalam bahasa Inggeris, (k). Menguasai pengetahuan yang diperlukan untuk mengikuti pendidikan tinggi.

## 4. Estetika.

Tujuan dan cakupan pendidikan estetika ini, Untuk tingkatan sekolah rendah iaitu menunjukkan kemampuan untuk melakukan kegiatan seni dan budaya tempatan dan untuk tingkatan sekolah menengah iaitu; (a). Memanfaatkan

lingkungan untuk kegiatan apresiasi seni, (b). Menghargai karya seni dan budaya dan kemahiran sesuai dengan kekhasan tempatan, (c). Menunjukkan kegemaran membaca dan menulis karya seni, (d) Menghasilkan karya kreatif, baik individu mahupun berkumpulan.

#### 5. Sukan dan kesihatan.

Tujuan dan cakupan pendidikan sukan dan kesihatan ini, Untuk tingkatan sekolah rendah iaitu; (a). Menunjukkan kemampuan untuk melakukan kegiatan seni dan budaya tempatan, (b). Memanfaatkan persekitaran untuk aktiviti apresiasi seni, (c). Menghargai karya seni budaya dan kemahiran sesuai dengan kekhasan tempatan, (d). Menunjukkan minat membaca dan menulis karya seni. Tujuan dan cakupan pada tingkatan sekolah menengah iaitu, (a). Memanfaatkan persekitaran lingkungan untuk aktiviti apresiasi dan menciptakan seni, (b). Menunjukkan apresiasi terhadap karya seni, (c). Menunjukkan minat membaca dan menulis karya seni, (d). Menghasilkan karya kreatif, baik perseorangan mahupun berkumpulan.

## V. Keluaran Modal Insan

Akhir daripada proses pendidikan adalah kemampuan anak memiliki kekuatan spiritual keagamaan, pengkawalan diri, kepribadian, kecergasan, akhlak mulia dan kemahiran yang diperlukan oleh dirinya, masyarakat, bangsa dan negara. Hal ini bererti proses pendidikan berujung kepada pembentukan sikap, pengembangan kecergasan atau intelektual, serta pengembangan kemahiran anak sesuai dengan keperluan.

Ketiga aspek ini (sikap, kecergasan dan kemahiran) hala tuju pendidikan yang harus diupayakan. Pada masa memberikan subjek pelajaran fizik, sepatutnya kita berfikir bagaimana subjek pelajaran fizik dapat membentuk anak yang memiliki sifat, kecergasan dan kemahiran sesuai dengan hala tuju pendidikan, begitupula pada masa memberikan subjek pelajaran ekonomi, selayaknya kita harus berfikir bagaimana bahan ajar ekonomi yang diberikan boleh membantu mengembangkan sikap, kecergasan dan kemahiran sesuai dengan hala tuju pendidikan.

Didalam Al – Quran surat Ar – Rahman 1 – 4,

الرَّحْمَنُ ۝ عَلَّمَ الْقُرْآنَ ۝ خَلَقَ الْإِنْسَانَ ۝ عَلَّمَهُ الْبَيَانَ ۝

Ertinya,

1. (Tuhan) yang Maha pemurah, 2. Yang Telah mengajarkan Al Quran. 3. Dia menciptakan manusia. 4. Mengajarnya pandai berbicara.

Didalam ayat diatas menjelaskan bahawa sifat – sifat dalam menjalankan pendidikan adalah murah hati, penyayang dan lemah lembut, santun dan berakhlak mulia kepada pelajar – pelajar yang menjalankan pendidikan ketamadunan pengakap serta menunjukkan profesionaliti dan kompetensi pribadi.

Untuk menghasilkan keluaran modal insan yang cemerlang hendaknya dibentuk oleh pengajar atau guru yang mempunyai kemahiran pedagogik yang bagus sebagaimana Allah mengajarkan Al – Quran kepada nabi dan rasul, serta menunjukkan Al – Quran sebagai bahan pelajaran yang diberikan kepada anak didik adalah kebenaran atau ilmu dari Allah SWT.

Keluaran modal insan yang diharapkan dalam pendidikan ketamadunan pengakap ialah kemampuan menerima dan mengembangkan ilmu yang diberikan sehingga anak didik menjadi generasi yang memiliki kecergasan spiritual dan kecergasan intelektual sebagaimana makna Al – Bayan dalam Al – Quran diatas.

## VI. Kesimpulan

Beberapa permasalahan yang penting untuk dikritik daripada konsep pendidikan yang ditemui, bahawa pendidikan adalah usaha sadar yang terencana, hal ini merupakan proses pendidikan di sekolah bukanlah proses yang dijalankan secara sebarangan, akan tetapi proses yang bermatlamatkan sehingga segala sesuatu yang dilakukan guru dan pelajar diarahkan kepada pencapaian matlamat.

Pendidikan ketamadunan pengakap ialah sebuah metoda pendidikan yang sangat sesuai digunakan dan dijalankan apabila diselaraskan dengan pendidikan Islam. Pendidikan ini sangat mengambil berat tentang hubungan kehidupan insan sesamanya dan Allah SWT pencipta semesta alam. Perlunya pengalaman atau belajar dengan alam akan membentuk jiwa manusia yang kuat dan berkalibar kerana bermula daripada usia muda sehingga mencapai dewasa. Proses – proses pendidikan untuk mencapai pendidikan ketamadunan pengakap dilakukan secara struktur yang bertingkat – tingkat sesuai dengan tingkat matang fikiran dan emosional.

Perlu adanya kawalan dan penyeliaan daripada guru yang mempunyai pengalaman yang bagus untuk menjalankan proses pendidikan. Fungsi utama guru dalam pendidikan ketamadunan pengakap ialah memberikan contoh yang baik untuk menghasilkan peserta didik yang baik. Metoda belajar yang bagus ditentukan dari modul – modul belajar yang inovatif atau peserta didik dibawa untuk mencari solusi masalah yang tengah dihadapi.

Kefahaman agama Islam menjadi asas yang penting untuk menghasilkan produk manusia yang bertanggung jawab untuk diri sendiri, keluarga dan bangsa. Jika hilangnya kefahaman agama Islam, maka akan berakibat buruk bagi mental dan spiritual pelajar yang mengikuti pendidikan ini.

## Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Guru Besar Ustadz Hasridaya Zulkifli, S. Ag atas bantuan bahan pengajaran yang digunakan dalam proses pendidikan di Pesantren Pramuka (Sekolah Pondok Pengakap) Al - Hira, Aia Angek, Sumatera Barat.

## Rujukan

- [1]. Harun Yahya, "*Kaum – kaum yang pupus*", terj. R. Hashim, Saba Islamic Media, Kuala Lumpur, 2006.
- [2]. W. Sanjaya, "*Strategi pembelajaran berorientasi standar proses pendidikan*", ed.1, Penerbit Kencana Prenada Media, Jakarta, 2006.
- [3]. B. S. Benjamin, "*Taxonomy of educational Objectives: Cognitive Domain*", ed.1, David McKay Publisher, New York, 1964.
- [4]. C. L. Arthur, "*Developing Minds: A resource book for teaching thinking*", ed.1, Association for Supervision and Curriculum Development, Alexandria, Virginia, 1985.
- [5]. R. Killen, "*Effective teaching strategies: Lesson from research and practice*", ed. 2, Social Science Press, Australia, 1998.
- [6]. J. D. Novak, "*A Theory of education*", ed.1, Cornel University Press, Ithaca, New York, 1977.
- [7]. M. Johnson, "*Intentionality in Education*", ed.1, Centered for Curriculum Research and Service, New York, 1977.
- [8]. H. A. R. Tilaar, "*Pendidikan, kebudayaan dan masyarakat madani Indonesia: Strategi reformasi pendidikan nasional*", ed.1, Penerbit Remaja Rosdakarya, Bandung, 1999.
- [9]. R. W. Dahar, "*Teori Belajar*", ed.1, Penerbit Erlangga, Jakarta, 1989.
- [10]. B. Joyce and M. Weil, "*Models of teaching*", ed.1, Prentice – Hall Inc Publisher, Englewood Cliffs, New Jersey, 1980.